

Headline Ceramah bukan hiburan
Date 15. Feb 2008
Media Title Utusan Malaysia
Section Dlm Negeri
Circulation 238082
Readership 833287

Language MALAY
Page No 11
Article Size 400 cm2
Frequency Daily
Color Full Color



Ceramah bukan hiburan

Oleh JOHARDY IBRAHIM
(WARTAWAN UTUSAN)

TANPA perlu menunggu pengumuman tarikh pilihan raya sekalipun, ceramah-ceramah politik sudah saban malam diadakan di seluruh negara, baik oleh parti pemerintah mahupun pembangkang. Persoalannya, apakah ceramah yang disajikan itu ceramah politik membangunkan minda atau ceramah lawak jenaka semata-mata?

Ini bergantung pula kepada pendengarnya. Ada yang datang benar-benar hendak mendengar hujah atau huraian sesuatu isu, dan dalam konteks pilihan raya tentunya mahu mengetahui bagaimana parti yang disokong mampu membela nasib dan kebajikan diri serta keluarganya.

Masalahnya, sebilangan daripada pendengar akan terasa terpedaya dengan sesuatu ceramah yang kandungannya lebih menurus menceritakan hal parti lain tetapi bukan mengenai apa gagasan atau agenda masa depan parti sendiri.

Namun, ada juga pendengar yang sengaja memilih untuk menghadiri ceramah sebegini yang sarat dengan apa yang diistilahkan 'pendedahan kemungkaran pihak lain' dan diselang-seli dengan elemen humor atau lawak jenaka. Kategori pendengar sebegini di kebanyakan masa akan disifatkan pendengar yang mencari hiburan politik.

Lazimnya, golongan ini juga yang membanjiri kawasan ceramah. Mereka ini mahu berhibur. Namun, belum tentu bilangan ramai yang hadir itu akan diterje-

mahkan menjadi undi yang sama besar.

Lebih membimbangkan, platform ceramah sempena pilihan raya sering kali digunakan sebagai pentas mencaci, mencerca, menghina dan melabel-label pihak lawan. Lagi serius bila ada ungkapan-ungkapan pencermamah atau pemidato berbaur serangan peribadi.

Pada pilihan raya 1999 yang disifatkan oleh kebanyakan penganalisis sebagai pilihan raya paling hangat pernah diadakan, menyaksikan kedua-dua pihak kerajaan dan pembangkang saling 'berbalas-balas serangan' semasa berkempen.

Perkataan yang mengaitkan raja di Mesir purba dilemparkan, terma suatu perlakuan seks luar tabii diperkenalkan dan pelbagai lagi yang hanya memualkan. Kempen tujuh hari pilihan raya bukan tempoh untuk sesiapa bebas melakukan apa sahaja semata-mata untuk meraih undi.

"Semua pertuturan yang dilafazkan oleh penceramah adalah cerminan dirinya dan parti yang diwakilinya. Jika ia berunsur ne-

gatif, maka negatiflah fikiran orang terhadap mereka," kata perunding komunikasi, Ishak Abdul Hamid kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau yang merupakan pensyarah komunikasi di Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia menggariskan tiga isu asas yang memabitkan perwatakan penceramah yang cenderung menggunakan taktik negatif sedemikian.

Pertama, ujar beliau, ia sebenarnya mengajar pendengar supaya sama-sama mengumpat kerana apa yang disampaikan oleh penceramah pada dasarnya sarat dengan unsur umpatan, lebih-lebih lagi jika menghentam peribadi individu yang lain.

Pemimpin yang baik tidak akan bercerita mengenai keburukan orang lain. Secara tidak langsung, ia menunjukkan tiada sifat pemaaf pada individu tersebut iaitu satu daripada sifat Allah yang wajar diserapkan dalam diri.

"Kedua, dengan menggunakan taktik serangan peribadi sedemikian, ia menunjukkan seolah-olah kita riak dan bangga bahawa kita lebih baik daripada lain-lain individu. Kena tanya sendiri, siapa yang memberi hak untuk kita mengatakan kita lebih baik daripada orang lain?" katanya.

Bila sudah memulakan serangan berbentuk peribadi, tentunya akan ada serang balas dari-

pada pihak lawan. Maka, 'peperangan' ini akan berterusan dengan kedua-dua pihak saling berbalas serangan.

Namun, akhirnya nanti orang ramai hanya mengetahui perihal keburukan kedua-dua pihak sahaja. Tiada siapa yang untung. Lebih mengharukan nanti selepas pilihan raya, ada yang terpaksa berkesudahan dengan kes-kes saman fitnah di mahkamah.

"Ketiga iaitu yang paling bahaya bila kita kata orang buruk, kita sebenarnya mendedahkan kelemahan diri sendiri. Bukankah ada nasihat orang dulu-dulu, berhati-hati dengan orang yang suka cakap buruk pasal orang lain. Kerana orang itu pun akan berecap buruk pasal kita," kata Ishak.

Semasa berkempen, perkara paling afdal yang hendak disampaikan dalam ceramah kempen masing-masing ialah menegenahkan matlamat perjuangan parti. Jika hendak membuat petikan untuk dijadikan contoh, gunakan fakta yang sahih termasuk al-Quran (asalkan tidak dimanipulasi untuk menghalalkan yang haram).

Menurut Ishak, dalam membentangkan hujah, penceramah hendaklah menghormati audiens tidak mengira sama ada mereka di bandar atau di kampung. Jangan ingat orang kampung tidak berpelajaran tinggi maka mudah hendak dipengaruhi mengenai



ISHAK ABDUL HAMID

Lebih membimbangkan, platform ceramah sempena pilihan raya sering kali digunakan sebagai pentas mencaci, mencerca, menghina dan melabel-label pihak lawan

isu-isu nasional. Ini diperkukuhkan lagi dengan hakikat ledakan teknologi maklumat (IT) sudah bertapak di Malaysia sejak 1990-an dan perluasan liputan stesen televisyen satelit yang popular sehingga ke rumah-rumah panjang di pedalaman Sarawak.

“Rakyat sudah peka sekarang dengan banyak isu-isu semasa. Kalau hujah tidak masuk akal, orang akan bertanya balik. Ini biasa berlaku terutama pada golongan pengundi atas pagar.

“Lihat saja dalam isu kenaikan harga minyak mentah. Ramai yang bertanya balik mengenai janji penurunan harga. Ini kerana pengalaman rakyat selama ini, tidak pernah nampak harga minyak turun.

“Jika diturunkan juga, rakyat akan syak tentu ada bahagian lain dijadikan ‘paling gaffi’ atau beranggapan ada orang tidak tahu menguruskan ekonomi negara. Jadi jangan berhujah tanpa fakta sahah,” ujarnya.

Semasa berceramah juga, pendekatan yang diguna hendaklah bersifat sejagat terutama bagi memastikan mesej sampai kepada pendengar.

“Hujah yang dikemukakan hendaklah disampaikan secara objektif, bukan subjektif atau terlalu berfalsafah.

“Kalangan pendengar mungkin ada yang berusia 21 tahun dan 51 tahun. Persepsi kedua-dua golongan ini berbeza. Terlalu berfalsafah, pemuda 21 tahun tidak akan faham,” katanya.

Parlimen telah dibubarkan. Tepuk dada tanya selera, anda ke majlis ceramah politik mahu mendapat maklumat atau sekadar hiburan politik.